



LEMBAH KLANG NEGERI SEMBILAN MELAKA

REAKSI

POKOK TUMBANG



"KEJADIAN pokok tumbang yang menimpa pengguna jalan raya baru-baru ini perlu dijadikan iktibar kepada semua pihak untuk lebih peka terhadap persekitaran terutama di kawasan yang berisiko seperti itu."

MAZLAN MURAD
Warga kota



"TUMBUH-tumbuhan memang penting dan memberi kebaikan untuk kehidupan manusia tetapi jika tidak dijaga dengan baik, ia boleh mendatangkan risiko dan menjadi ancaman."

ABDUL RAHMAN ABDULLAH
Warga kota



"DIHARAPKAN pihak berwajib melihat semua pokok-pokok yang sudah berusia di sekitar ibu kota sama ada ia boleh ditekankan atau perlu ditebang demi keselamatan orang ramai."

MUHAMMAD HAZIQ KHAIRUL ANUAR
Warga kota

Kronologi **pokok tumbang** di ibu negara

12 Oktober 2014	3 Jun 2016	13 Julai 2016	5 Mac 2018
<ul style="list-style-type: none"> Jalan Belfield, Kampung Attap 2 anggota polis maut Pondok kawalan dihempas pokok Punca: Hujan lebat angin kencang 	<ul style="list-style-type: none"> Jalan Sri Hartamas 17 Pondok pengawal rumah dihempas pokok Tidak kemalangan jiwa Punca: Hujan lebat, rojak kemarau 	<ul style="list-style-type: none"> Sekitar Mid Valley, Jalan Klang Lama, Jalan Kampung Attap 10 kenderaan rosak Punca: Ribut, hujan lebat 	<ul style="list-style-type: none"> Jalan Ampang berdekatan KLCC Dua mangsa cedera Punca: Alak rebut



KEJADIAN pokok tumbang yang mencenderakan orang awam dan menyebabkan kesesakan lalu lintas di Jalan Ampang, Kuala Lumpur pada 5 Mac lalu. - GAMBAR SUMBER MEDIA SOSIAL

Pokok-pokok besar dan berusia di ibu kota undang bahaya

Menunggu masa untuk rebah?



POKOK-POKOK besar yang menjadi penghias landskap ibu kota - UTUSAN/ MUHAMMAD HAFIZ



PEHAGA gerai makanan ringan, Saifuddin Mohd menunjukkan sebatang pokok besar yang berisiko mengundang bahaya kepada pengguna Jalan Ampang di Kuala Lumpur.

ISU RAKYAT

Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN

KUALA LUMPUR 7 MAC

SEKALI tumbang nyawa pasti melayang. Itulah gambaran malapetaka yang mungkin berlaku sekiranya pokok-pokok bersaiz bergasi dengan ketinggian mencecah 10 hingga 15 meter di beberapa jalan utama sekitar ibu kota menghembah bumi. Keadaan pokok berusia puluhan tahun yang menampilkan tanda-tanda uzur itu pasti mengundang bencana kepada pengguna jalan raya sekiranya dibiarkan tanpa pengawalan atau tindakan sewajarnya oleh pihak berkuasa tempatan. Tinjauan Utusan Malaysia di beberapa lokasi antaranya Jalan Ampang, Jalan U-Thant dan Jalan Ara Kiri, Bangsar mendapati, terdapat lebih 50 pokok besar diremui di sepanjang jalan yang menjadi laluan utama warga kota. Dikhuatiri, pokok-pokok peng-



KERATAN laporan Utusan Malaysia mengenai ancaman dan risiko pokok tua di sekitar Lembah Klang, baru-baru ini.

hias landskap kota itu bertukar menjadi ancaman kepada orang ramai. Lebih membimbangkan jika pokok yang nampak kuat dan gagah memasak bumi itu sebenarnya sudah 'lumpuh' di bahagian akarnya dan hanya menunggu masa untuk rebah. Hakikatnya tiada siapa mengetahui sejauh mana kekuatan pakainya yang mungkin sudah semakin longgar kerana masalah

pereputan yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar. Pemerhatian juga mendapati walaupun pokok-pokok berkenaan mengalami gangguan pada bahagian banir akibat permukaan tanah yang diliputi konkrit. Keadaan ini pasti menimbulkan tekanan dan menyebabkan kerosakan pada strukturnya. "Sehinggalah itu, untuk memastikan pokok itu tidak tumbang dan masih sihat, Dewan

Pemerhatian juga mendapati walaupun pokok-pokok berkenaan mengalami gangguan pada bahagian banir akibat permukaan tanah yang diliputi konkrit. Keadaan ini pasti menimbulkan tekanan dan menyebabkan kerosakan pada strukturnya.

Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu mengamalkan budaya penyelenggaraan yang baik selain menjalankan kajian terperinci bersama agensi yang berkaitan yang mempunyai kepakaran tentang pokok. Bagaimanapun, pokok-pokok besar yang menjadi penghias telanang tidak menjadi isu sekiranya diurus dengan baik apabila lagi usaha berkenaan menjadi sebahagian daripada ciri-ciri bandar hijau dan mesra alam.

Pokok-pokok di ibu kota perlu pengurusan profesional

KUALA LUMPUR 7 Mac - Penyelenggaraan serta pemantauan secara sistematis perlu dilakukan ke atas pokok-pokok di kawasan bandar untuk mengesan tahap kemerosotan pokok yang boleh mengundang bahaya kepada orang ramai. Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd Latif Mohmod berkata, kaedah pengurusan yang profesional perlu dilaksanakan kerana tahap kesihatan pokok di kawasan bandar lebih terdedah kepada gangguan persekitaran. "Antara masalah utama yang berlaku kepada pokok-pokok yang sudah berusia dan yang bersaiz besar adalah gangguan serta tekanan yang berpunca daripada pembangunan di sekeliling. "Jadi kita perlu memahami bagaimana pokok bertindak balas (tree behaviour) terhadap gangguan untuk membolehkan tindakan sewajarnya dilakukan," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.



ABD LATIF MOHMOD

Sehinggalah itu kata beliau, penglibatan ahli arboris yang berkemahiran dalam perihalan pokok sangat diperlukan untuk melakukan semakan serta penilaian terhadap kesihatan pokok. "Misalnya kami di FRIM mempunyai arboris yang berkemampuan mengesan tahap gangguan dalam batang pokok dengan menggunakan peralatan khas seperti Sonic Tomograf atau Resistograf. "Pemeriksaan di bahagian akar (root collar excavation) juga dapat menentukan kekuatan struktur pokok dan mengenal pasti risiko tumbang," katanya. "Tambah Abd Latif, FRIM bersedia memberi khidmat nasihat dan berfongsi kepakaran kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) khususnya dalam aspek perancangan, pengurusan dan penyelenggaraan pokok-pokok landskap di ibu kota.

DBKL, FRIM perkukuh jalinan kerjasama

Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN

KUALA LUMPUR 7 MAC - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyambatkan baik-tawaran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) menerusi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) kepada pihaknya berhubung pengurusan pokok di ibu kota.

Timbalan Pengarah Hultikultur DBKL, Norazam Mohamed Nor berkata, sememangnya DBKL dan FRIM sudah menjalankan kerjasama mengenai perkara itu sejak tiga tahun lalu melalui memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani bersama. "MoU itu antara lain memperincikan mengenai pengurusan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan bandar, memberi khidmat nasihat berkaitan pengurusan hutan sekunder dan pokok di bandar selain menjalankan kajian dan penilaian terhadap keperluan pelaksanaan persijilan. "Semua itu dilaksanakan untuk memastikan peranan pihak berwajib dalam aspek pengur-

MoU itu antara lain memperincikan mengenai pengurusan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan bandar, memberi khidmat nasihat berkaitan pengurusan hutan sekunder dan pokok di bandar selain menjalankan kajian dan penilaian terhadap keperluan pelaksanaan persijilan."

NORAZAM MOHAMED NOR
Timbalan Pengarah Hultikultur DBKL

di sini hari ini. Norazam berkata, untuk membezakan kejadian pokok tumbang, DBKL akan meminta FRIM membuat pemetaan bagi kawasan yang kerap mengalami kejadian itu. "FRIM telah membuat kajian berhubung status pokok-pokok berusia. Terbaharu, usaha itu dilaksanakan di kawasan bandar Dataran Merdeka. "Diharapkan FRIM dapat menjalankan kajian terperinci terhadap pokok-pokok berkenaan untuk menentukan sama ada ia masih boleh ditekankan atau sebaliknnya," katanya. "Katanya, terdapat lima hingga tujuh kawasan di sekitar ibu negara yang mempunyai pokok-pokok berumur dan berisiko kepada pengguna antaranya sekitar Jalan Ampang, Jalan U-Thant dan Jalan Cheras. "Tambah beliau, DBKL akan melaksanakan satu dasar mengenai pokok-pokok berusia 30 tahun ke atas yang memerlukan kajian semula untuk memastikan sama ada ia boleh ditekankan atau diganti dengan pokok baharu.